

**D560**

**U 8856 AAB**  
**CHOGM - MAHATHIR (DUAHALA)**

**I**

**KUALA LUMPUR, 24 OKT (BERNAMA) -- MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DISINI SELAMA SEMINGGU YANG BERAKHIR HARI INI TELAH BERJAYA MEMPERKENALKAN MALAYSIA SECARA BERKESAN KEPADA DUNIA LUAR, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD..**

**DUNIA TERUTAMA NEGARA-NEGARA ANGGOTA KOMANWEL KINI MENGETAHUI BAGAIMANA RUPANYA MALAYSIA DAN AKAN MEMAHAMI DENGAN LEBIH BAIK PENDAPAT-PENDAPAT YANG DINYATAKAN OLEH KERAJAAN DAN PEMIMPIN NEGARA INIPADA PERSIDANGAN ANTARABANGSA PADA MASA AKAN DATANG, KATANYA.**

**CHOGM TELAH BERJAYA MENGHAPUSKAN KESANGSIAN TENTANG TAHAP KEMAJUAN DI NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KEPADA WARTAWAN MALAYSIA SELEPAS SELESAI MENJALANKAN TUGASNYA SEBACAI Pengerusi PERSIDANGAN ITU.**

**KATANYA PARA ANGGOTA PERWAKILAN ITU AKAN MEMAHAMI DENGAN LEBIH JELAS APABILA MALAYSIA BERCAKAP TENTANG TIMAH, GETAH PELABURAN DAN KERJASAMA TEKNIKAL.**

**PERDANA MENTERI BERKATA PARA PEMIMPIN KOMANWEL KAGUM BUKAN SAHAJA DENGAN KEBOLEHAN MALAYSIA MENUNAIKAN KEPERLUAN FIZIKAL PERSIDANGAN ITU TETAPI JUGA INPUT DAN INSIATIF YANG DILAKUKAN DALAM MENGENDALIKANNYA. -- LAGI.**

**2227MST 24 10 89**

**D568**

**UB866 A A B**  
**CHOGM - MAHATHIR (DUAHALA) 2 KUALA LUMPUR**

**DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENGADAKAN PERBINCANGAN DUA HALA DENGAN BEBERAPA PEMIMPIN TERMASUK RAKAN-RAKAN SEJAWATANNYA DARI AUSTRALIA, BRITAIN! CANADA, ZIMBABWE, GHANA, NIGERIA, LESOTHO, PAPUA NEW GUINEA DAN BEBERAPA NEGARA PASIFIK YANG KECIL.**

**DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI CANADA ENCIK BRIAN MULRONEY, ANTARA SOAL YANG DISENTUH IALAH HAK MENDARAT UNTUK PENERBANGAN MALAYSIA. PERBINCANGAN AWAL AKAN DIJALANKAN ANTARA MAS DAN AIR CANADA SEBELUM IA DILANJUTKAN KE PERINGKAT KERAJAAN DENGAN KERAJAAN.**

**PERDANA MENTERI ZIMBAWE BERMINAT DENGAN RANCANGAN-RANCANGAN FELDA MANAKALA LESOTHO INGINKAN PERTOLONGAN MALAYSIA DALAM BIDANG PENDIDIKAN, KHUSUSNYA DALAM PENUBUHAN SEKOLAH-SEKOLAH VOKASIONAL.**

**BANGLADESH TELAH MEMINTA BANTUAN MALAYSIA UNTUK MENUBUHKAN SISTEM BERKOMPUTER BAGI PERANCANGAN DAN PENGESANAN PROGRAM PEMBANGUNAN, SERUPA DENGAN UNIT KOMPUTER DI JABATAN PERDANA MENETERI.**

**NIGERIA DAN BANGLADESH PULA BERMINAT UNTUK MEMPELAJARI DARIPADA MALAYSIA BAGIAMANA HENDAK MENARIK PELABURAN ASING.**

**GHANA MAHU BEKERJASAMA DENGAN MALAYSIA DALAM INDUSTRI KOKO, KATANYA. -- BERNAMA.**

**2242MST 24 10 89**